



## TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI HJ. FADILLAH BIN HJ. YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

*Sempena*

**MAJLIS PERASMIAN JALAN PINTAS RAWANG  
DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN**

*Pada*

**28 NOVEMBER 2017**

*Masa*

**10.00 PAGI**

*Tempat*

**TAPAK PROJEK, JALAN PINTAS RAWANG  
TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HJ. FADILLAH BIN HJ. YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN JALAN PINTAS RAWANG  
PADA 28 NOVEMBER 2017**

---

**Yang Berhormat Datuk Rosnah Bt Abdul Rashid Shirlin**  
Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

**Yang Berhormat Dato' P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan**  
Timbalan Menteri Pendidikan

**Yang Berhormat Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan**  
Ahli Dewan Negeri Batang Kali

**Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob**  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

**Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Zaki Ansore Bin Mohd Yusof**  
Ketua Pengarah ICU, Jabatan Perdana Menteri

**Yang Berbahagia Dato' Nik Azman Bin Nik Abdul Majid**  
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, JPM

**Yang Berbahagia Dato' Sri. Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha**  
Ketua Pengarah Kerja Raya

**Yang Berbahagia Dato' Meor Abdul Aziz Bin Hj Osman**  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

**Yang Berbahagia Dato' Ahamd Sufian Bin Abdul Majid**  
Pengarah Urusan Panzana Enterprise Sdn. Bhd.

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, agensi kerajaan yang lain, pihak Kontraktor, rakan-rakan media, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Alhamdullilah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama berkumpul pada majlis yang penuh bermakna ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi –tinggi terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya untuk merasmikan Jalan Pintas Rawang yang juga dikenali sebagai *Rawang By Pass*.

**Yang Berbahagia Tan Sri', Dato' Sri, Dato-Dato' dan para hadirin sekalian,**

- 2 Pembangunan infrastruktur jalan adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas, peningkatan tahap produktiviti dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya merupakan tonggak utama negara dalam menerajui usaha kerajaan memantapkan sektor pembangunan infrastruktur melalui kepakaran teknikal industri pembinaan. Tidak boleh dinafikan pembangunan jalan raya memberikan kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan harta tanah perindustrian dan perbandaran.
- 3 Projek Jalan Pintas Rawang ini bermula di bawah Rancangan Malaysia ke 9 (RMK-9) bagi menyelesaikan rungutan rakyat terutamanya penduduk di sekitar Selayang, Rawang dan Hulu Selangor berkaitan isu kesesakan dan keselamatan yang mereka hadapi apabila melalui Bandar Rawang. Di waktu puncak, pengguna jalan raya daripada Serendah menghala ke Selayang dan sebaliknya, mengambil masa sehingga 2 jam menempuh kesesakan trafik melalui Jalan Persekutuan FT001.

4. Di atas keprihatinan, kepekaan dan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan dan mengurangkan kadar kemalangan maut di laluan tersebut, projek pembinaan Jalan Pintas Rawang ini telah diawardkan kepada Syarikat Panzana Enterprise Sdn. Bhd. dengan kos kontrak RM628 juta secara Reka dan Bina pada 16 Julai 2005 dan siap sepenuhnya pada 21 November 2017.
5. Pada peringkat perancangan, kerajaan mempunyai dua pilihan untuk menyelesaikan masalah kesesakan ini, iaitu sama ada menaiktaraf jalan sedia ada FT001 ataupun dengan membina laluan di jajaran baru. Dengan kajian terperinci, pilihan menaiktaraf jalan sedia ada FT001 tidak dipertimbangkan demi mengelakkan impak sosial dan proses pengambilan tanah yang amat rumit. Oleh yang demikian, jajaran baru Jalan Pintas Rawang yang melalui Taman Warisan Negeri Selangor adalah pilihan terbaik bagi pihak JKR.
6. Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Barisan Nasional pada masa itu, telah menetapkan kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerja Raya bagi memastikan Taman Warisan Negeri Selangor kekal terpelihara walaupun projek pembinaan dilaksanakan dalam kawasan rezab hutan.
7. Antara kriteria yang telah disyaratkan adalah memastikan penebangan hutan dibuat secara terkawal, penggunaan jentera berat yang minima, meminimumkan pemotongan cerun, laluan fauna sedia ada perlu dikenalkan, kawalan kualiti air, kawalan bunyi dan gegaran serta kawalan pencahayaan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Projek Jalan Pintas Rawang ini telah ditadbir secara profesional dan baik. Dalam fasa perancangan, sesi pendengaran awam telah dilaksanakan

bersama pemimpin setempat, rakyat tempatan dan NGO alam sekitar yang amat prihatin terhadap pemeliharaan kawasan hutan semasa dan selepas pelaksanaan projek. Ini merupakan julung kali JKR mengadakan sesi pendengaran awam bagi projek jalan dan jambatan. Hasil daripada sesi pendengaran awam tersebut, pihak kerajaan telah menerima 25 ribu tandatangan persetujuan daripada penduduk sekitar yang menyokong pihak Kerajaan meneruskan projek Jalan Pintas Rawang ini di dalam Taman Warisan Negeri Selangor.

9. Mengambil kira pandangan daripada semua pihak dan demi memelihara kesejahteraan hutan, pihak JKR telah memilih untuk membina struktur bertingkat (*elevated structure*) bagi meminimumkan pemotongan cerun di dalam kawasan rezab hutan. Selain itu, pembinaan jambatan menggunakan *Movable Scaffolding System* (MSS) juga diperkenal bagi mengelakkan penebangan hutan yang luas dan penggunaan jentera berat yang berlebihan. Sekali lagi, pihak JKR telah menjadi peneraju dan pelopor dalam inovasi teknologi pembinaan yang lestari alam.
10. Jalan Pintas Rawang adalah amat unik kerana mempunyai struktur jambatan tertinggi di Malaysia iaitu 58.2m daripada aras tanah. Panorama Bandar Rawang dapat dilihat ketika langit cerah. Jambatan ini juga akan “membelah awan” di waktu pagi terutamanya selepas hujan. Ini akan memberikan pengalaman yang menarik bagi pengguna yang melalui laluan ini.
11. Jalan Pintas Rawang akan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk di sekitar Daerah Gombak, Hulu Selangor dan Mualim. Jika sebelum ini pengguna dari Serendah ke Selayang mengambil masa sehingga 2 jam pada waktu puncak, kini pengguna hanya memerlukan kurang daripada 30 minit untuk ke destinasi yang sama. Ini memberikan kesan positif kepada penjimatan masa bagi setiap kenderaan yang melalui Jalan Pintas Rawang.

Saya juga yakin , Jalan Pintas Rawang ini akan menjadikan kawasan disekitar Rawang, Serendah, dan yang berdekatan semakin pesat membangun.

Dan yang lebih penting lagi Jalan Pintas Rawang akan menjadi struktur pembinaan ikonik dan boleh menjadi ikon pelancongan dan riadah.

12. Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Projek Cawangan Jalan, JKR yang telah memberikan komitmen dan keprihatinan yang tinggi terhadap kepentingan alam sekitar sepanjang pelaksanaan projek Jalan Pintas Rawang ini. Komitmen daripada Kementerian Kerja Raya serta kerjasama dan penglibatan semua pihak, sama ada secara langsung maupun tidak langsung, termasuklah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Tenaga Nasional Berhad, Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti, kontraktor dan juga perunding, telah menyumbang kepada kejayaan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat.
13. Saya yakin dan percaya, kerjasama yang diwujudkan seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada semua pihak terbabit malah yang lebih penting, kesejahteraan, keselesaan dan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara
14. Sukacita juga saya ingin mengumumkan Jalan Pintas Rawang ini akan dibuka kepada umum pada hari ini seawal jam 6.00 petang, tanpa bayaran tol.
15. Akhir kata, dengan lafadz **Bismillahirrahmanirrahim** saya dengan ini mengumumkan Jalan Pintas Rawang dibuka dengan rasminya.
16. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.

